

Headline	Program penghijauan bawa muafakat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	26 Jul 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	39	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	195 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,073
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,219



Program penghijauan bawa muafakat

KHAIROL BARIYAH HUSIN

SEKOLAH Kebangsaan (SK) Bandar Baru Selayang (SKBBS) menyahut seruan kempen hijau melalui Program Penghijauan Sekolah 2012. Acara yang bermula 8.30 pagi melibatkan penyertaan guru dan ibu bapa sekolah tersebut.

Guru Besarnya, Sharim Hashim berkata kerjasama ibu bapa dan sumbangan pihak terbabit dalam menjayakan program tersebut dihargai, seperti Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SKBBS, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim), Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Jabatan Alam Sekitar (jas) dan seluruh warga SKBBS.

Antara tetamu yang hadir ialah Yang Dipertua (YDP) PIBG, Azmi Abdul Hamid. Naib Yang Dipertua PIBG, Adnan Ahmad, bekas YDP PIBG, Roslan Abas, wakil Frim, Norhisyam Ismail

(Pegawai Penyelidik) dan Pengawas Hutan, Amir Sabri Baharom.

Pada Program Penghijauan Sekolah 2012. Jas menyumbangkan sebanyak RM5000 untuk membeli anak pokok. Manakala pihak MPS yang juga anak pokok turut memberikan khidmat tenaga kerja, peralatan dan bantuan lori sampah.

Frim menyumbangkan anak pokok herba, baju serta memberi panduan cara menanam pokok serta jenis pokok yang sesuai ditanam. Aktiviti menanam anak pokok diadakan di enam lokasi sekitar sekolah berkenaan.

Ahli PIBG, Datuk Rozaidi Mohamed pula menghadiahkan 30 ikan untuk ditempatkan di dalam kolam Taman Kemahiran Hidup. Program muafakat tersebut diakhiri dengan sesi makan tengah hari yang ditaja Pengusaha Kantine SKBBS.



Sumbangan ikan untuk menyerikan kolam di Taman Kemahiran Hidup.